

30 MAY 1999

Isa-Pelajar

JANGAN GUNA PELAJAR SEBAR FAHAMAN POLITIK, KATA MOHD ISA

REMBAU, 30 Mei (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad berkata, pelajar-pelajar sekolah tidak harus digunakan untuk menyebarkan fahaman politik pelbagai pihak.

"Kita jangan peralatkan pelajar kerana sepatutnya, pelajar kita dididik supaya terus belajar dan mencapai kejayaan yang tertinggi," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Dr Mahathir dilaporkan sebagai berkata, parti-parti pembangkang semakin bertindak keterlaluan dengan meracuni pemikiran generasi muda terutamanya pelajar universiti untuk berkempen bagi menumbangkan kerajaan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang.

Mohd Isa berkata demikian kepada pemberita selepas majlis Ihtifal dan Silaturahmi Darul Al-Quran Rembau di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Pedas, dekat sini, hari ini.

Mohd Isa berkata, pelajar-pelajar ini mudah dipengaruhi dengan pandangan sebelah pihak itu dan mungkin terikut-ikut dengan fahaman politik yang disebarkan itu.

Sehubungan itu beliau mengingatkan pelajar supaya berhati-hati kerana banyak bidang lain yang boleh diceburi tetapi jangan terlibat dalam kumpulan yang menghasut mereka yang boleh merugikan mereka pada keseluruhannya nanti.

Ketika berucap pada majlis itu, beliau berkata Islam bukan sahaja mesti ditunjukkan kepada umat Islam tetapi Islam sebagai agama yang diredai Allah mesti ditunjukkan kebaikannya di kalangan masyarakat bukan Islam.

Ini salah satu bentuk dakwah yang paling tinggi tetapi kalau umat Islam terutama mereka yang menggelar diri sebagai berpengetahuan agama membuat sesuatu kenyataan yang kadang-kadang boleh menimbulkan keraguan semata-mata kerana mempertahankan kepentingan kelompok mereka, ini merugikan, bukan sahaja umat Islam tetapi Islam itu sendiri.

Orang melihat dan kita tahu ada juga yang bukan Islam mengetahui akan hal ehwal Islam tetapi apabila orang Islam tersilap membuat kenyataan seperti itu, ia boleh menjatuhkan imej Islam, tambahnya.

Sepatutnya perkara seperti ini tidak berlaku terutama bagi mereka yang mengaku diri mereka arif dalam bidang keagamaan ini, kata beliau lagi.

-- BERNAMA

RP PR